

UM 15 OCT 2001
Multaqā
sokong
Malaysia
hapuskan
pengganas

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Multaqā Pimpinan Hal Ehwal Islam yang berakhir di sini hari ini menyokong pendirian kerajaan Malaysia yang mahukan gerakan pengganas di seluruh dunia dihapuskan tetapi tidak bersetuju sebarang negara dijadikan sasaran serangan.

Serentak itu, multaqā mendesak supaya Amerika Syarikat dan sekutunya menghentikan serangan ketenteraan terhadap Afghanistan.

Pernyataan sokongan itu adalah antara resolusi multaqā yang dibacakan oleh Setiausaha Biro Agama UMNO, Datuk Zainal Sakom pada majlis penutup multaqā tiga hari itu.

Selain itu, kata Zainal, multaqā menyokong sepenuhnya semua usaha dan tindakan kerajaan bagi menangani isu-isu agama dan politik di negara ini.

Katanya, tindakan itu diharap akan dapat menyumbang kepada keamanan dan kestabilan negara yang berterusan.

Beliau berkata, multaqā juga bersyukur kepada Allah dan mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam.

Katanya, menerusi kertas kerja yang dibentang dalam multaqā tiga hari itu, semua pesertanya telah mendapat gambaran yang jelas mengenai Islam di Malaysia.

“Ia diperkuatkan lagi dengan penjelasan yang terbuka, ikhlas dan lantang oleh Perdana Menteri semasa merasmikan multaqā itu,” katanya.